

# Agensi pembangunan tanah disusun semula

BANDAR PUSAT JENGKA, Isnin - Kerajaan akan menyusun semula struktur dan fungsi agensi pembangunan tanah untuk disesuaikan dengan perkembangan negara di bidang perindustrian tanpa mengetepikan keperluan pertanian.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beberapa langkah sedang dikaji sama ada menggunakan konsep pen-swastaaan, percantuman di antara agensi dan swasta atau mengubah dasar perindustrian dalam pertanian.

Katanya, kajian itu melibatkan semua jenis perta-

nian tanpa mengira program di agensi kerajaan atau pertanian biasa yang diusahakan petani dan nelayan.

Beliau menegaskan pendekatan pertanian yang dimulakan selepas Merdeka sudah tidak sesuai dengan kemajuan masa kini.

"Kalau dulu kita menumpu kepada pembukaan tanah untuk menyediakan punca pendapatan rakyat seperti dilakukan FELDA. Kini kita harus kaji semula pendekatan tahun-tahun 1957, 1958 dan 1960 untuk mencari pendekatan lebih sesuai bagi sebuah negara industri.

"Inilah asas kajian dibuat sekarang dan kita akan cari

pendekatan yang boleh menguntungkan petani kerana kita masih memerlukan pertanian," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Terdahulu, Perdana Menteri merasmikan perhimpunan Desa Wawasan di Stadium Mini Bandar Pusat Jengka. Lebih 20,000 peserta dan orang ramai hadir menyaksikan perhimpunan peringkat kebangsaan yang julung kali diadakan itu.

Dr Mahathir berkata, negara masih memerlukan pertanian dalam kepesatan industri tanpa menjadikan petani sebagai mangsa apabila orang lain mendapat pendapatan lebih.

Dalam ucapannya, beliau berkata, petani dan nelayan harus mengubah haluan dengan memasuki bidang perindustrian kecil sebagai kerjaya sampingan.

Beliau percaya bidang pertanian biasanya memberi banyak masa terluang kepada petani dan ia boleh digunakan untuk kerja lebih berfaedah dengan menceburi perusahaan sampingan.

"Melalui cara ini seorang petani dan peladang boleh bekerja secara sambilan di kilang kecil di luar bandar dan akhirnya kita akan mempunyai pekerja kilang sederhana yang juga seorang petani dan peladang," katanya.